

NOTA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

GRAFIK

KOMUNIKASI

TEKNIKAL

INDEKS

* PENGGUNA PDF - KLIK PADA TAJUK *

1. DOA BELAJAR
2. NOTA BUKU TEKS F4
3. NOTA BUKU TEKS F5
4. DEFINISI
5. SOALAN
MAKSUD/DEFINISI/TAKRIF/NAMAKAN
/NYATAKAN
6. SIMBOL
7. PERATURAN DAN UNDANG UNDANG
8. LUKISAN TERBANTU KOMPUTER
9. SOALAN (JADUAL)
10. SOALAN (PERBEZAAN)
11. SOALAN (LANGKAH)
12. SOALAN (LTK)
13. PERALAT ANGKUT

DOA BELAJAR

Doa Sebelum Belajar

اَللّٰهُمَّ افْتَحْ عَلَيْنَا حِكْمَتَكَ وَاَنْشُرْ عَلَيْنَا مِنْ
خَزَائِنِ رَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ

" Ya Allah, bukannya ke atas kami hikmat-Mu dan limpahkanlah ke atas kami khazanah-Mu,
Wahai Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. "

Doa Sedang Belajar

اَللّٰهُمَّ افْتَحْ عَلَيْنَا فُتُوْحَ اَلْعَارِفِيْنَ وَاَرْزُقْنَا فَهْمَ النَّبِيِّْنَ وَاِلْهَامَ
اَلْمَلٰٓئِكَةِ الْمُقَرَّبِيْنَ بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ

Ya Allah, bukannya pintu hati kami sebagaimana orang-orang yang arif , Kurniakanlah kepada kami
kefahaman Nabi-Nabi dan ilham para Malaikat yang hampir dengan-Mu, dengan Rahmat-Mu
Wahai Tuhan Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. "

Doa Penerang Hati

اَللّٰهُمَّ نَوِّرْ قَلْبِيْ بِنُوْرِ هِدَايَتِكَ كَمَا نَوَّرْتَ اَلْاَرْضَ
بِنُوْرِ شَمْسِكَ اَبَدًا بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ

Terjemahan: " Ya Allah, terangilah hatiku dengan cahaya petunjuk-Mu sebagaimana
Engkau menerangi bumi dengan cahaya matahari-Mu selama-lamanya,
Ya Allah Yang Maha Mengasihani. "

Doa Selepas Belajar

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْتَوْدِعُكَ مَا عَلِمْتَنِيْهِ فَاَرْدُدْهُ اِلَيَّ عِنْدَ
حَاجَتِيْ اِلَيْهِ وَلَا تَنْسِنِيْهِ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ



" Ya Allah, aku pertaruhkan kepada-Mu apa yang telah Engkau
ajarkan kepadaku, maka kembalikanlah semula kepadaku jika aku memerlukannya
dan janganlah Engkau buat aku melupainya, Wahai Tuhan Yang Sekalian Alam. "

[BALIK KE INDEKS](#)

NOTA BUKU
TEKS
F4 DAN F5

BUKU TEKS TINGKATAN 4

[BALIK KE INDEKS](#)

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5

Agensi-agensi Penting dalam Kepiawaian Lukisan Teknikal

- (a) Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM). (<http://www.sirim.my>)
- (b) Institut Piawaian Kebangsaan Amerika (ANSI). (<http://www.ansi.org>)
- (c) Jabatan Standard Malaysia (JSM). (<http://www.jsm.gov.my>)
- (d) Kepiawaian British (BS). (<http://www.bsigroup.com>)
- (e) Pertubuhan Kepiawaian Antarabangsa (ISO). (<http://www.iso.mrg>)
- (f) Kepiawaian Australia (AS). (<http://www.standards.org.au>)
- (g) Institut Kepiawaian German (DIN). (<http://www.din.de/en>)
- (h) Kepiawaian Kanada (CS). (<http://www.csagroup.org>)
- (i) Kepiawaian Perindustrian Jepun (JIS). (<http://www.jisc.gov.jp.eng>)

Jadual 1.1.1 Kerjaya yang terlibat dalam GKT.

Pekerjaan	Tugas
Jurutera	Menyediakan idea dan konsep awal reka bentuk, memahami dan mengesahkan lukisan teknikal.
Arkitek	Merangka idea pembinaan bangunan, memahami dan mengesahkan pelan.
Pelukis Pelan	Menyediakan lukisan teknikal yang terperinci berdasarkan konsep awal reka bentuk atau idea pembinaan bangunan.
Pereka Bentuk	Membuat reka bentuk, sama ada dalam bentuk model atau ciptaan sebenar, berdasarkan lukisan teknikal terperinci.

TAHUKAH ANDA?

Antara bidang kerjaya yang melibatkan GKT:

- (a) Mekanikal dan Pembuatan
- (b) Elektrik dan Elektronik
- (c) Kejuruteraan Awam
- (d) Juru Ukur
- (e) Seni Bina
- (f) Hiasan Dalaman





NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5

INFO TAMBAHAN

Contoh Pengukuran Piawai:

Imperial	Metrik
1 in	2.54 cm
1 kaki	0.3048 m
	30.48 cm
1 ela	91.44 cm
1 batu	1.6093 km



Rajah 1.3.1 Saiz kertas.

148mm (297÷2)	210mm	Ingat sebagai rujukan*
297mm (148x2+1)	210mm	
297mm	420mm (210x2)	
594mm (297x2)	420mm	
594mm	841mm (420x2+1)	
1189mm (594x2+1)	841mm	

TAHUKAH ANDA?

Selain daripada saiz siri A, kertas juga boleh didapati dalam siri saiz B, C, R dan F

Saiz siri B lebih besar daripada saiz A. Ia selalu digunakan untuk melukis poster dan lukisan dinding.

Saiz siri C lebih kecil, selalu dijadikan saiz untuk sampul surat.

Saiz siri R biasanya menggunakan kertas tebal bagi tujuan mencetak gambar.

Saiz siri F biasa digunakan untuk persuratan atau salinan. Biasanya disebut kertas HVS.

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5

Nama Garisan	Bentuk	Ciri	Gred Pensel/Saiz
Garisan binaan		Cerah dan halus	2H / 0.3 mm
Garisan objek		Hitam dan tebal	HB / 0.5 - 0.7 mm
Garisan terlindung		Hitam dan halus	HB / 0.3 - 0.5 mm
Garisan tengah		Hitam dan halus	H / 0.3 mm
Garisan satah pemotongan		Hitam dan halus	HB / 0.5 - 0.7 mm
Garisan dimensi		Hitam dan halus	H / 0.25 mm
Garisan fantom		Hitam dan halus	H / 0.3 mm
Garisan tambahan/unjuran		Hitam dan halus	H / 0.3 mm


	H	2H	HB
0.25mm (untuk dimensi sahaja)	-dimensi		
0.3mm	-terlindung -tengah -fantom -tambahan/unjuran	-binaan	-terlindung
0.5mm			-terlindung -objek -satah pemotongan
0.7mm			-objek -satah pemotongan

Gred Keras Pensel jenis ini menghasilkan garisan bertona cerah untuk garisan binaan, garisan panduan penghurufan dan garisan yang memerlukan ketepatan.	4H 5H 6H 7H 8H 9H
Gred Sederhana Pensel gred ini menghasilkan garisan sederhana bertona cerah. Pensel gred ini sesuai untuk membuat lakaran, penghurufan, tanda anak panah, garisan objek dan garisan tengah.	B HB F H 2H 3H
Gred Lembut Pensel gred ini menghasilkan garisan yang tebal.	7B 6B 5B 4B 3B 2B B

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5



Rajah 1.4.2 Jenis-jenis garisan yang digunakan dalam GKT.



Rajah 1.4.6 Kaedah melukis garisan condong dalam pelbagai sudut.

0 – 15 (ingat) – 30 (15 x 2) – 45 (15 x 3) – 60 (15 x 4) – 75 (15 x 5) – 90 (15 x 6)


TAHUKAH ANDA?

Garisan selari ialah garisan-garisan yang mempunyai jarak serenjang yang sama antara satu sama lain.



TAHUKAH ANDA?

Garisan serenjang ialah garisan-garisan yang bersudut tepat (90°) antara satu sama lain.




NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5




Rajah 1.4.10 Ciri abjad garisan.

FAKTA PENTING

Selang antara barisan hendaklah dijarakkan pada kadar separuh daripada ketinggian huruf.



Rajah 1.4.11 (a) Teknik penghurufan tegak dengan lejang tunggal.




Rajah 1.4.11 (b) Teknik penghurufan condong dengan lejang tunggal.


Penghurufan	Keterangan
TEKNIKAL	Gaya penghurufan yang seragam.
Penghurufan	Kesilapan
TekNiKaL	Gaya penghurufan tidak seragam.
TEKNIKAL	Ketinggian huruf tidak seragam.
TEKN//KAL	Kecondongan huruf tidak seragam.
TEKNIKAL	Ketebalan huruf tidak seragam.
TEKNIKAL	Jarak antara huruf tidak seragam.

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5


- (a) Sudut Tirus
($x < 90^\circ$)




- (b) Sudut Tepat
($x = 90^\circ$)




- (c) Sudut Cakah
($x > 90^\circ$)




- (d) Sudut Penggenap
($x + y = 180^\circ$)



- (e) Sudut Refleks
($180^\circ < x < 360^\circ$)



- (f) Sudut Pelengkap
($x + y = 90^\circ$)



INFO TAMBAHAN


Pelbagai sudut selain 30° , 45° , 60° dan 75° boleh juga dibina menggunakan gabungan sesiku set. Contohnya sudut 105° adalah gabungan sudut 45° dan 60° .

INFO TAMBAHAN



Pelbagai sudut berasaskan sudut 60° dan 90° boleh dibina menggunakan kaedah geometri. Contohnya, sudut 30° dan 45° adalah hasil bahagi dua sama sudut 60° dan 90° . Sudut 22.5° hasil bahagi dua sama sudut 45° manakala, sudut 67.5° adalah hasil tambah 45° dan 22.5° .

Rajah 2.2.1 Pelbagai jenis sudut.

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5



Rajah 2.3.1 Ciri-ciri bulatan.



Rajah 3.1.1 Ciri-ciri segi tiga.

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5

FAKTA PENTING

Dengan menggunakan teorem tembereng selang, $\angle ACB$ dan $\angle ADB$ adalah sama.

INFO TAMBAHAN

Sudut puncak boleh berubah kedudukan di titik D pada ketinggian yang sama.

INFO TAMBAHAN

Kedudukan titik C boleh berubah apabila sudut tapak dibina di A.

Jenis-jenis Segi Empat dan Ciri-cirinya

a) Segi empat sama

- Sisi sama panjang
- Sisi bertentangan adalah selari.
- Sudut dalam adalah sudut tepat.
- Persilangan antara dua penjuru adalah bersudut tepat.

b) Segi empat tepat

- Sisi bertentangan adalah sama panjang dan selari.
- Sudut dalamnya adalah sudut tepat.

c) Segi empat selari

- Sisi bertentangan adalah sama panjang.
- Jumlah sudut yang bersebelahan adalah 180° .

d) Rombus

- Sisi sama panjang
- Sisi bertentangan adalah selari.
- Persilangan antara dua pepenjur adalah serenjang.
- Jumlah sudut yang bersebelahan adalah 180° .

e) Trapezium


- Dua sisi yang bertentangan adalah selari.

f) Lelayang

- Dua panjang sisi yang bersebelahan adalah sama.
- Persilangan antara dua pepenjur adalah serenjang.

Rajah 3.2.1 Jenis-jenis segi empat.

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5




INFO TAMBAHAN

Kaedah ini juga boleh digunakan untuk membina sebarang poligon dengan cara diameter bulatan dibahagi mengikut bilangan sisi yang dikehendaki.

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5

FAKTA PENTING

Kaedah pembesaran dan pengecilan bagi rajah dengan menggunakan nisbah sisi adalah berbeza dengan kaedah nisbah luas.



Rajah 4.1.1 Konsep pembesaran mengikut nisbah sisi.

INFO TAMBAHAN


Maksud pengecilan nisbah 3:5

Rajah yang dilukis : Rajah asal



Maksud pembesaran nisbah 5:3

Rajah yang dilukis : Rajah asal


FAKTA PENTING




Cuba lihat pada kon yang dipotong. Jika dilihat tepat dari posisi atas, bentuk bulatan dapat dilihat. Apabila satu satah condong memotong kon, bentuk elips dilihat dan apabila memotong kon merentasi tapaknya, bentuk parabola dapat dilihat.



Titik fokus F1 dan F2 di bina pada paksi major dengan jejari separuh paksi major.




NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5




Rajah 5.1.2 Kedudukan mercu, hubungan titik fokus, paksi simetri dan direktriks.

INFO TAMBAHAN




Lengkung elips bertangen dengan empat titik segi empat iaitu A, B, C dan D.

INFO TAMBAHAN




Lengkung parabola bertangen hanya pada satu titik segi empat.

FAKTA PENTING




Mercu sebagai tempat permulaan dan pembahagian sisi dilakukan di belakang lengkung parabola.


NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5



(a) Bulatan menyentuh garisan



(b) Bulatan menyentuh bulatan di sebelah dalam



(c) Bulatan menyentuh bulatan di sebelah luar

Rajah 5.4.1 Konsep ketangenan.

INFO TAMBAHAN

Formula bagi garisan bertangen kepada dua bulatan secara luaran, Jejari bulatan baru (J_x) adalah hasil tolak jejari bulatan besar (J_A) - jejari bulatan kecil (J_B).


$$J_x = J_A - J_B$$

INFO TAMBAHAN

Formula bagi garisan bertangen kepada dua bulatan secara dalaman, jejari bulatan baru (J_x) adalah hasil tambah jejari kedua-dua bulatan (J_A) + (J_B).


$$J_x = J_A + J_B$$

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5



Rajah 6.1.1 (a) Objek

Rajah 6.1.1 (b) Pandangan yang diunjurkan.




Rajah 6.1.2 Objek di dalam kotak sukuan pertama dan ketiga.

Sukuan Sudut Pertama	Sukuan Sudut Ketiga
Pandangan sisi Pandangan hadapan Pandangan atas	Pandangan atas Pandangan hadapan Pandangan sisi
Simbol unjuran sudut pertama	Simbol unjuran sudut ketiga


Rajah 6.1.3 Simbol unjuran sudut pertama dan unjuran sudut ketiga.

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5


Unjuran Sudut Pertama	Unjuran Sudut Ketiga
 Pandangan sisi Pandangan hadapan Pandangan atas	 Pandangan atas Pandangan hadapan Pandangan sisi
 Simbol unjuran sudut pertama	 Simbol unjuran sudut ketiga




Rajah 6.3.1 (a) Contoh bongkah berpermukaan rata.




Rajah 6.3.4 (a) Contoh bongkah berpermukaan rata, condong dan oblik.



Rajah 6.3.2 (a) Contoh bongkah berpermukaan rata dan condong.



Rajah 6.3.5 (a) Bongkah yang mempunyai permukaan rata, condong dan lengkung.




Rajah 6.3.3 (a) Contoh bongkah berpermukaan rata, condong dan bulat.

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5

Jadual 6.4 Komponen pendimensian dan kegunaannya.

Komponen Pendimensian	Kegunaan
Garis dimensi	Menunjukkan titik mula dan titik akhir sesuatu ukuran.
Garis tambahan	Menandakan jarak yang didimensikan dari objek.
Garis penunjuk	Menunjukkan butiran di dalam lukisan. Selalunya digunakan untuk menunjukkan bulatan atau lengkok.
Ruang kelegaan	Merupakan jarak atau ruang kosong di antara garisan tambahan dengan objek.



Rajah 6.4.1 Komponen pendimensian merangkumi garisan dimensi, garisan tambahan, garisan penunjuk dan ruang kelegaan.

Sistem Terajar	Sistem Ekaarah
Teks ukuran ketinggian dan kelebaran ditulis secara selari dengan garisan pendimensian.	Teks ukuran ketinggian dan kelebaran ditulis secara mengufuk dengan garisan pendimensian.
The diagram shows a mechanical part with dimensions written parallel to the dimension lines. For example, the horizontal dimension 40 is written horizontally, and the vertical dimension 60 is written vertically.	The diagram shows the same mechanical part as the previous one, but with all dimension values (40, 60, 28, 16, 10, 20, 50, 30, 45) written horizontally, making them readable from the bottom of the drawing regardless of the dimension line's orientation.


Rajah 6.4.2 Perbandingan pendimensian sistem terajar dan sistem ekaarah.

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5

Jenis-jenis Pendimensian

Pendimensian boleh dibahagikan kepada beberapa jenis, iaitu:

- Pendimensian saiz
- Pendimensian kedudukan
- Pendimensian jejari
- Pendimensian bulatan dan lengkok
- Pendimensian sudut




Rajah 6.4.3 Menunjukkan lima jenis pendimensian.

FAKTA PENTING



1. Anak panah perlu dilukis halus dan runcing serta menyentuh garisan tambahan.
2. Bulatan atau lengkok, anak panah garisan penunjuk jejari atau bulatan mesti menuju ke pusat bulatan atau lengkok.
3. Garisan tambahan perlu mempunyai ruang kelegaan daripada objek yang didimensikan. Jarak antara ruang kelegaan dengan objek ialah 1 mm–2 mm.
4. Ukuran dimensi perlu dilakukan di tengah garisan dimensi atau di atas garisan dimensi.
5. Ukuran perlu diletak berserenjang dengan garisan dimensi.
6. Pendimensian perlu seragam antara satu sama lain.


Sistem Terajar



Rajah 6.4.4 Kaedah mendimensi mengikut sistem terajar.

INFO TAMBAHAN

Amalan mendimensi di antara dua pandangan.




Amalan baik



Amalan yang perlu dielakkan

Sistem Ekaarah





Rajah 6.4.5 Kaedah mendimensi mengikut sistem ekaarah.

INFO TAMBAHAN


Contoh amalan baik dan amalan yang perlu dielakkan dalam pendimensian seperti dalam Rajah 6.4.6.

Catatan	Amalan baik	Amalan yang perlu dielakkan
Amalkan mendimensi pada pandangan yang bermaklumat		


NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5




Rajah 7.1.2 Pandangan tambahan memperlihatkan bentuk dan saiz sebenar objek.



Rajah 7.1.4 Pandangan tambahan digunakan untuk menentukan sudut sebenar.






Rajah 7.1.3 Pandangan tambahan digunakan untuk menentukan panjang sebenar.






Rajah 7.1.7 Pandangan tambahan objek condong.




NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5



Rajah 7.1.8 Pandangan tambahan ketinggian.




Rajah 7.1.9 Pandangan tambahan kelebaran.




Rajah 7.1.10 Pandangan tambahan kedalaman.

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5



Rajah 7.2.1 Kaedah menentukan satah rujukan dan satah tambahan.




Rajah 8.1.3 Lukisan tiga dimensi dengan garisan ufuk 30°.




Terdapat tiga jenis paksi isometri, iaitu:

- Paksi biasa
- Paksi terbalik
- Paksi panjang


NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5



Rajah 8.1.5 Isometri paksi terbalik.




Rajah 8.1.4 Lukisan isometri paksi biasa.



Rajah 8.1.6 Isometri paksi panjang.


NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5





Rajah 8.1.7 Perbezaan garisan isometri dengan garisan bukan isometri.

Bulatan dalam Lukisan Isometri

Rajah 8.1.9 menunjukkan bentuk bulatan dalam lukisan isometri. Kaedah empat pusat atau kaedah koordinat boleh digunakan untuk melukis bulatan isometri.





Rajah 8.1.9 Bulatan dalam lukisan isometri.





Rajah 8.1.10 Lengkung dalam lukisan isometri.

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5



(a) Kaedah Kotak





(b) Kaedah Kerangka




(a) Kaedah Empat Pusat




(b) Kaedah Koordinat




NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5



Rajah 9.1.2 Paksi oblik.



Rajah 9.1.1 Lukisan ortografik garisan unjuran bersudut tepat dengan satah unjuran.



Rajah 9.1.3 Pelbagai sudut paksi surut.

Jenis-jenis Lukisan Oblik

Lukisan oblik terdiri daripada tiga jenis, iaitu:

- (a) Oblik Kavalier
- (b) Oblik Kabinet
- (c) Oblik Am

tengok pada **Panjang** perkataan jenis oblik

- Kavalier = 1


- Kabinet = 1/2

- Am = 3/4

Pernyataan	Jenis Oblik
- ukuran pada paksi menegak dan paksi mengufuk adalah bersaiz penuh - ukuran paksi surut dibahagi dua daripada ukuran	Oblik kabinet
ukuran pada semua paksi adalah bersaiz penuh	Oblik kavalier
- ukuran paksi menegak dan paksi mengufuk bersaiz penuh - ukuran pada paksi surut adalah $\frac{3}{4}$ daripada ukuran	Oblik am

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5

Garisan Oblik dan Garisan Bukan Oblik




- Garisan oblik - garisan yang selari dengan paksi oblik
- Garisan bukan oblik - garisan yang tidak selari dengan paksi oblik


Melukis Bulatan dalam Lukisan Oblik pada satah mengufuk dan satah surut

(i) Kaedah empat pusat

(a) Satah mengufuk




(b) Satah surut




NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5

Pendimensian Lukisan Oblik


(i) Sistem terajar



(i) Sistem ekaarah




(ii) Kaedah koordinat




TERAJAR – Ikut lukisan

EKAARAH – ikut mata pelukis

(ii) Oblik kavalier



(ii) Oblik kabinet



BUKU TEKS TINGKATAN 5

[BALIK KE INDEKS](#)


NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5

Lukisan perspektif


- lukisan berbentuk 3D seperti lukisan isometri dan lukisan oblik
- menunjukkan gambaran mata sebenar

Jenis Lukisan Perspektif


- (i) Lukisan Perspektif satu titik
- (ii) Lukisan Perspektif dua titik
- (iii) Lukisan Perspektif tiga titik
- bergantung kepada bilangan titik lenyap



Lukisan perspektif satu titik




Lukisan perspektif dua titik




Lukisan perspektif tiga titik


Elemen Lukisan Perspektif




NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5




Rajah 2.1.1 (a) Lukisan pengorakan bongkah prisma.




Rajah 2.1.1 (b) Lukisan pengorakan bongkah piramid.



Rajah 2.1.1 (c) Lukisan pengorakan bongkah kon.




Rajah 2.1.1 (d) Lukisan pengorakan bongkah peralihan.



Rajah 2.1.2 Panjang sebenar, bentuk sebenar dan sudut sebenar piramid.

Bongkah Berongga




Rajah 2.1.3 Pengelasan bongkah berongga.

Kaedah Pengorakan Mengikut Pengelasan Bongkah

Kaedah Pengorakan	Kaedah Selari		Kaedah Jejarian		Kaedah Segi Tiga	
	Prisma dan Silinder		Piramid Tegak dan Kon Tegak		Piramid Oblik dan Kon Oblik	Bahagian Peralihan
Kumpulan Bongkah	- Prisma Tegak - Prisma Terpenggal - Prisma Oblik - Silinder Tegak - Silinder Terpenggal - Silinder Oblik		- Piramid Tegak - Piramid Terpenggal - Kon Tegak - Kon Terpenggal - Frustrum		- Piramid Oblik - Kon Oblik	Bahagian Peralihan
Jenis Bongkah						

Komponen dalam Lukisan Pengorakan



- Garis elemen
 - * garis lurus yang dilukis pada permukaan objek yang melengkung seperti silinder dan kon
- Garis bentangan
 - * garis yang dilukis berserenjang dengan sisi prisma dan silinder
- Garis lipatan
 - * garis untuk membentuk objek pada prisma dan piramid
- Kelim
 - * garis bagi cantuman objek
- Bentangan dalam
 - * bentangan yang memaparkan permukaan sebelah dalam bongkah berongga




Rajah 2.3.1 Perbezaan kedudukan pandangan atas bagi piramid.

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5



(i) Silinder





(iv) Kon



(ii) Prisma



(iii) Piramid



NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5



Nota Tambahan

Berikut merupakan beberapa jenis perisian LTK antaranya ialah:






AutoCAD, Autodesk Inventor, Solidworks, Catia, Rhino, Ironcad, Visio Technical, Ansys . . .

Perisian LTK keluaran Malaysia – TiffinCAD




Fungsi LTK	Hasil kerja
(a) Alternatif kepada peralatan lukisan manual	- Menghasilkan lukisan 2D dan 3D. - Menghasilkan cetakan 2D.
(b) Fungsi tambahan	Menghasilkan rendering, analisis reka bentuk dan animasi.
(c) Penghasilan produk dan model	- Menghasilkan model cetakan 3D dengan teknologi Rapid Prototyping. - Menghasilkan produk dengan pemesinan menggunakan teknologi CAD-CAM.

Perkara	Lukisan Manual	LTK
(a) Kos penyediaan peralatan	Murah	Mahal
(b) Kemahiran	Memerlukan kemahiran konsep lukisan teknikal.	- Memerlukan kemahiran konsep lukisan teknikal. - Kemahiran mengendalikan komputer. - Kemahiran menggunakan perisian LTK.
(c) Pengendalian	Menggunakan peralatan lukisan teknikal.	Menggunakan peralatan elektrik dan elektronik.



Contoh lukisan teknikal yang dihasilkan


NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5



Rajah 3.2.1 Interface perisian AutoCAD 2017 menunjukkan pelbagai tetingkap fungsi.

Pengendalian perisian LTK AutoCAD


(i) Command line (ii) Toolbar (iii) Pull Down Menu



Pull down menu




Standard toolbars




Command line

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5


Pilihan Pull Down Menu / Menu Bar	Kegunaan
File	Membuka fail baru dan mengurus fail
Edit	Mengedit
View	Memilih sudut pandangan
Format	Menetapkan format
Tools	Menggunakan tools
Draw	Melukis objek
Dimension	Mendimensikan objek
Modify	Mengubah suai objek
Help	Bantuan penggunaan perintah AutoCAD




Rajah 3.2.5 Tab Home dengan Panel yang mengandungi ikon dan sub ikon serta Drop Down Menu.



Rajah 3.2.4 Perintah pada Quick Access Toolbar/Standard Toolbar.




Rajah 3.2.6 Nama ikon, jenis binaan dan tip pembinaannya.




Rajah 3.2.7 Tab dan Panel boleh diaktifkan atau dinyahaktifkan.


NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5



Rajah 3.2.8 Contoh komunikasi dua hala dalam *Command Line*.




Rajah 3.2.9 Tetapan pencetak dan cetakan.




Rajah 3.2.10 Zoom dan Regen.


NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5



Rajah 3.2.11 Pilihan format yang terdapat pada Pull Down Menu.



Rajah 3.2.12 Ribbon Layers.




Rajah 3.2.13 Layers Properties Manager.


Jadual 3.4 Fungsi ikon yang terdapat pada Layers Properties Manager.

Ikon	Fungsi
New	Membina Layers baru.
Rename	Menamakan semula Layers.
Delete	Memadam Layers.
On/Off	Mengaktif/menyahaktif Layers. Objek tidak kelihatan apabila Off.
Freeze/Unfreeze	Membeku/menyahbeku Layers. Fungsi menyamai On/Off.
Lock/Unlock	Mengunci/membuka Layers. Objek tidak boleh digerak dan disunting apabila dikunci.


NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5



Rajah 3.2.14 Tetapan Text Style.




Rajah 3.2.15 Dimension Style Manager dan Modify Standard.



Rajah 3.2.16 Tetapan Point Style.

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5




Command: limits

Reset Model space limits:


Specify lower left corner or [ON/OFF] <0.0000,0.0000>:<enter>

Specify upper right corner <420.0000,297.0000>: 297,210 <enter>

Rajah 3.2.17 Contoh gambaran dan perintah menukar saiz ruang dan orientasi lukisan daripada saiz A3 melintang ke saiz A4 menegak.




(a) Menu Drafting Setting pada Tools Pull Down Menu.




(b) Tetapan Object Snap

(c) Tetapan Snap and Grid

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5




Rajah 3.2.18 (d) Simbol-simbol Object Snap Mode yang digunakan pada lakaran.



Rajah 3.2.20 Panel Properties.

Butang Fungsi	Simbol/ Nama	Status	Kegunaan
F1	-	Help	Bantuan/tip online.
F2	-	Display command	Memaparkan semua arahan yang telah dilaksanakan.
F3	OSNAP	Object snap	Mengaktifkan simbol <i>osnap</i> yang aktif.
F5	ISODRAFT	Isoplane top/right/left	Menukar satah <i>isometric</i> yang ditetapkan.
F6	-	Dynamic UCS	Mengaktifkan UCS.
F7	GRIDMODE	Grid	Memaparkan grid pada ruang kerja.
F8	ORTHOMODE	Ortho	Membenarkan garisan dibina hanya dalam sudut tepat.
F9	SNAPMODE	Snap grid/polar	Membenarkan kursor bergerak mengikut titik koordinat grid/bebas yang ditetapkan.
F10	PolarTracking	Polar tracking	Membenarkan kursor bergerak mengikut sudut ditetapkan.
F11	AUTOSNAP	Object snap tracking	Menunjukkan garisan rujukan sebagai panduan semasa melukis.


NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5




Rajah 3.2.21 Status Bar.




Paksi WCS 2D




Kursor 2D




Paksi UCS 2D



Paksi UCS 3D




Paksi WCS 3D



Kursor 3D


Papan kekunci	Tetikus	Kegunaan
ENTER atau SPACE BAR	Klik kanan	Laksana, selesai dan mengulang perintah sebelum
ESC	-	Selesai atau batal
U, UNDO atau CTRL+Z	-	Batal (Undo)
C atau CLOSE	-	Tutup Polygon (Close)
-	Skrol keluar atau ke dalam	Zoom In atau Zoom Out

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5



Rajah 3.2.28 Paparan melaras cetakan.


Command: PLOT
Specify window for printing
Specify first corner: Specify opposite corner:
Press ESC or ENTER to exit, or right-click to display shortcut menu.
Effective plotting area: 110.00 wide by 175.00 high
Plotting viewport 2.



(a) Tetapan pencetak.



(b) Plot Area - Window.



(c) Print Preview.


Rajah 3.3.1 Tetapan cetakan menggunakan Plot Area - Window dan Preview.

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5




Rajah 4.1.2 Elemen dalam lukisan bangunan.

Pelan Lokasi




Rajah 4.1.3 Lukisan pelan lokasi.




Pelan tapak

Rajah 4.1.4 Lukisan pelan tapak.



Pelan Lantai

Rajah 4.1.5 Lukisan pelan lantai bagi kediaman setingkat.




Pelan bumbung

Rajah 4.1.6 Lukisan pelan bumbung bagi kediaman setingkat.

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5



Terdapat tiga jenis pandangan iaitu:

1. Pandangan hadapan
2. Pandangan belakang (*rear elevation*)
3. Pandangan sisi (*side elevation*)




Rajah 4.1.7 Lukisan pandangan bagi kediaman setingkat.


NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5



NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5




Rajah 4.1.8 Lukisan pelan keratan bagi kediaman setingkat.




Rajah 4.1.9 Lukisan terperinci bagi rumah kediaman.


NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5




Bumbung Tebeng / Tebar Layar




Bumbung Limas




Gabungan Bumbung Tebeng / Tebar Layar



Gabungan Bumbung Limas



Bumbung Limas Belanda



Gabungan Bumbung Limas Belanda

Jadual 4.2 Komponen dan spesifikasi.

Bil	Komponen	Spesifikasi
1.	Lantai	Konkrit bertetulang 100 mm tebal.
2.	Dinding	Bata tanah 150 mm tebal berlepa di kedua-dua belah.
3.	Pintu bilik air	PVC jenis berengsel 2100 mm x 750 mm.
4.	Pintu masuk	Pintu gelangsar kembar tiga dan berangka aluminium 3000 mm x 2100 mm.
5.	Pintu-pintu lain	Pintu kayu jenis berengsel 2100 mm x 950 mm.
6.	Tingkap	Tingkap ram kaca 1100 mm x 600 mm seunit dan 1000 mm dari lantai.
7.	Tiang	Konkrit bertetulang 150 mm x 150 mm.
8.	Cucur atap	600 mm dari dinding.

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5




Tahukah Anda

Agensi-agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam sistem pembekalan air dan pengairan di Malaysia adalah seperti:

- Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)
- Jabatan Bekalan Air (JBA)
- Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
- Indah Water Konsortium (IWK)
- Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS)




JABATAN PENGAIRAN
DAN SALIRAN MALAYSIA




Rajah 5.1.1 Sistem bekalan perpaipan bagi rumah kediaman.

Terdapat dua jenis lukisan perpaipan, iaitu:


- Lukisan Ortografik Perpaipan
- Lukisan Isometri Perpaipan



Rajah 5.1.3 Lukisan perpaipan ortografik.




Rajah 5.1.4 Kedudukan relatif, siku dan liku pada lukisan isometri perpaipan.




Rajah 5.1.5 Lukisan isometri perpaipan bagi rumah kediaman setingkat.

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5




Rajah 6.1.1 Jenis lukisan elektrik.


NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5




Rajah 6.1.2 Blok unit kawalan utama pengguna.



Rajah 6.1.3 Gambar rajah skematik unit kawalan utama pengguna.




Rajah 6.1.4 Gambar rajah litar unit kawalan utama pengguna.




Rajah 6.1.5 Gambar rajah pendawaian unit kawalan pengguna.

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5



Rajah 6.1.6 Gambar rajah pelan bentangan domestik.



Rajah 6.1.7 Pelan bentangan industri.

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5

Jadual 6.1 Alat tambah dan alat lengkap.

Bil.	Lokasi	Alat Lengkap	Alat Tambah	Keterangan
a.	Ruang tamu	2 x lampu pendarfluor kembar 1 x lampu <i>candelier</i> 1 x unit penyaman udara 1 x lampu glob dinding	2 x soket keluar 13A	
b.	Ruang keluarga Ruang makan	3 x lampu pendarfluor kembar 2 x kipas siling 1 x lampu glob dinding	1 x soket keluar 13A 1 x soket talian telefon 1 x soket TV	
c.	Dapur	1 x lampu pendarfluor kembar 1 x kipas ekzos	1 x soket keluar 13A	
d.	Bilik utama	2 x lampu pendarfluor bulat 36W 1 x kipas siling 1 x penyaman udara	1 x soket keluar 13A	
e.	Bilik tidur 2	1 x lampu pendarfluor kembar 1 x unit penyaman udara	1 x soket keluar 13A	
f.	Bilik tidur 3	1 x lampu pendarfluor kembar 1 x unit penyaman udara	1 x soket keluar 13A	
g.	Bilik utiliti	1 x lampu pendarfluor kembar 1 x kipas dinding	1 x soket keluar 13A	
h.	Bilik air 1	1 x lampu glob 1 x poin pemanas air		
i.	Bilik air 2, 3 dan 4	1 x lampu glob		
j.	Beranda	1 x lampu pendarfluor bulat		

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5



Info Tambahan

Tahukah anda antara badan profesional yang terlibat dalam industri reka bentuk dalaman adalah:

- *Malaysian Institute of Interior Designers (MIID)*
- Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)

mid Malaysian Institute of Interior Designers




Kategori ruang dalaman ialah:

- Ruang Kediaman — Banglo, kondominium, pangsapuri, rumah kembar dan rumah teres.
- Ruang Komersil — Pusat membeli belah, pasar raya, butik, kedai, ruang pameran (*showroom*).
- Ruang Institusi — Muzium, hospital, klinik, universiti, bank dan galeri.
- Ruang Hospitaliti — Hotel, resort, restoran, kafe dan spa.
- Ruang Awam — Ruang keagamaan, dewan dan tandas.
- Ruang Rekreasi — Gimnasium, stadium, kolam renang dan taman tema.
- Ruang Pengangkutan — Terminal lapangan terbang, stesen kereta api, stesen bas, ruang dalaman kapal persiaran.

Ciri – ciri ruang dalaman yang baik


- Mempunyai inspirasi tema atau konsep reka bentuk yang memenuhi cita rasa pengguna ruang tersebut.
- Penyusunan ruang yang teratur mengikut aktiviti yang dijalankan.
- Mempunyai pencahayaan dan pengudaraan yang baik untuk keselesaan penghuni.
- Pemilihan jenis kemasan (lantai, dinding dan siling) yang baik.
- Pemilihan perabot dan kelengkapan yang sesuai mengikut fungsi ruang tersebut.

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5




Rajah 7.2.1 Carta alir agihan ruang di dalam rumah kediaman.


Dalam reka bentuk ruang dapur, beberapa perkara perlu diambil kira iaitu **ruang penyediaan**, **ruang membasuh** dan **ruang memasak**. Pelbagai reka bentuk dapur dapat dilihat dan kebiasaan saiznya berdasarkan keluasan dapur rumah kediaman




Bentuk U



Bentuk L



Galeri



Island

Rajah 7.2.2 Pelbagai reka bentuk dapur untuk rumah kediaman.



Tahukah Anda

Pada masa kini, dapur boleh dikategorikan kepada dua iaitu:

- Dapur basah
- Dapur kering



Tahukah Anda




Terdapat beberapa saiz katil di pasaran seperti:

Nama	Saiz (cm)
Cot size	76 x 188
Twin	99 x 190
Twin Extra Long	99 x 203
Full Size	137 x 190
Full Extra Long	137 x 203
Queen Size	153 x 203
California Size	183 x 214
King Size	193 x 203



Info Tambahan

Berikut adalah antara bentuk susun atur kelengkapan berdasarkan keluasan bagi ruang mandi.



NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5

Dalam mereka bentuk ruang dalaman bagi rumah kediaman, beberapa perkara perlu dititikberatkan seperti Rajah 7.3.1 dan Rajah 7.3.2, antaranya ialah:

- Kedudukan ruang seperti ruang tamu, ruang makan, ruang dapur, bilik tidur dan tandas.
- Pergerakan pengguna dalam menjalankan aktiviti dalam ruang tersebut.
- Pencahayaan.
- Pengudaraan.



Rajah 7.3.1 Contoh ruang pencahayaan dan pengudaraan bagi rumah kediaman.



Rajah 7.3.2 Kedudukan bilik yang teratur memudahkan pergerakan pengguna dan aktiviti yang dijalankan.

NOTA BUKU TEKS F4 DAN F5


Mereka Bentuk Ruang Dalam bagi Rumah Kediaman Satu Tingkat dalam Bentuk Lukisan Perspektif

Lukisan perspektif adalah satu lukisan berbentuk 3-dimensi (3D) yang boleh dilukis sama ada dalam bentuk satu titik atau dua titik. Berbeza dengan lukisan 2-dimensi, lukisan 3D lebih mudah difahami. Fungsi lukisan perspektif adalah:

- Menunjukkan aktiviti dalam ruang
- Gambaran sebenar sesebuah objek
- Menunjukkan suasana ruang

Tiga garisan utama dalam perspektif satu titik ialah:

- Garisan mendatar mempunyai satu titik lenyap (TL) yang terletak di atas garisan mendatar.
- Garisan tinggi.
- Garisan unjuran.



DEFINISI

[BALIK KE INDEKS](#)

DEFINISI

GKT

Grafik Komunikasi Teknikal (GKT) merupakan **Media perhubungan** dalam **bentuk grafik** yang **mengandungi maklumat lengkap** bagi **menyampaikan maklumat dengan lebih berkesan**

JURUTERA

Menyediakan **idea** dan **konsep awal reka bentuk**, **memahami** dan **mengesahkan** **lukisan teknikal**.

** SEDIAKAN - idea / - konsep awal reka bentuk | MEMAHAMI . MENGESAHKAN - Lukisan teknikal **

ARKITEK

Merangka **idea** **pembinaan bangunan**, **memahami** dan **mengesahkan pelan**.

** MERANGKA - idea (pembinaan bangunan) | MEMAHAMI . MENGESAHKAN - pelan **

PELUKIS PELAN

Menyediakan **lukisan teknikal terperinci** berdasarkan **konsep awal reka bentuk** atau

idea **pembinaan bangunan**.

** SEDIAKAN - lukisan teknikal terperinci | BERDASARKAN - konsep awal reka bentuk / idea (pembinaan bangunan) **

PEREKA BENTUK

Membuat **reka bentuk**, sama ada dalam **bentuk model** atau **ciptaan sebenar**, berdasarkan **lukisan teknikal terperinci**.

** MEMBUAT - reka bentuk (bentuk model / ciptaan sebenar) | BERDASARKAN - lukisan teknikal terperinci **

DEFINISI

PRINSIP LAKARAN

Lakaran merupakan proses awal untuk melukis, dan hanya menggunakan alatan asas seperti pensel, pemadam dan kertas

**

GARISAN SERENJANG

Garisan serenjang ialah

Dua garisan yang bersilang di suatu titik pada sudut tepat, iaitu 90°

**

GARISAN SELARI

Garisan selari bermaksud

dua atau lebih garisan yang mempunyai jarak serenjang yang sama di sepanjang garisan.

**

BULATAN

Bulatan ialah

Lokus bagi titik yang bergerak dari satu titik tetap kepada suatu jarak malar

**

DEFINISI

POLIGON

Poligon ialah

rajah satah yang terdiri daripada beberapa sisi sekata atau tidak sekata

**

SEGI TIGA

Segi tiga ialah

rajah satah garisan yang mempunyai tiga sisi yang lurus

**

SEGI EMPAT

Segi empat ialah

rajah yang mempunyai empat sisi dan empat penjuru

**

KONSEP PEMBESARAN DAN PENGECILAN

Konsep ini merupakan

perubahan yang dilakukan ke atas sesuatu rajah yang mempunyai bentuk yang serupa dan sudut yang sama tetapi saiz yang berbeza

**

DEFINISI

ELIPS

Elips ialah

satu titik bergerak supaya jumlah jaraknya dari dua titik tetap (fokus) adalah sama

- Paksi major ialah paksi yang Panjang
- Paksi minor ialah paksi yang Pendek

**

PARABOLA

Parabola ialah

satu titik yang bergerak dari satu titik tetap (titik fokus) yang

sentiasa mempunyai jarak yang sama dengan jarak serenjang titik itu dengan satu garis lurus (direktriks)

- Mercu parabola ialah separuh daripada jarak serenjang titik fokus dengan direkteris
- Paksi simetri ialah pembahagi dua parabola

**

DEFINISI

TANGEN

Tangen ialah

satu garis lurus atau bulatan yang bersentuhan dengan bulatan atau lengkok yang lain pada satu titik

konsep tangen :

- Garisan bersentuhan dengan bulatan
- Bulatan bersentuhan dengan bulatan sama ada
Secara luar atau dalam

**

GARISAN NORMAL

Garisan normal ialah

Garisan yang menyambung pusat bulatan dengan titik tangen

**

GARISANTANGEN

Garisan tangen ialah

Satu garis lurus yang bersentuhan dengan bulatan atau lengkok pada satu titik

**

DEFINISI

UNJURAN ORTOGRAFIK

Unjuran ortografik ialah

Unjuran bersudut tepat kepada satah mengufuk dan menegak

- Unjuran bersudut tepat lukisan diunjurkan tepat ke permukaan satah pada sudut 90°

**

LUKISAN UNJURAN ORTOGRAFIK

Digunakan untuk menunjukkan pandangan atas, pandangan hadapan dan pandangan sisi bagi sesuatu objek

**

GARISAN DIMENSI

Menunjukkan titik mula dan titik akhir sesuatu ukuran

**

GARISANTAMBAHAN

Menandakan jarak yang didimensikan dari objek

**

GARISAN PENUNJUK

Menunjukkan butiran di dalam lukisan

**

RUANG KELEGAAN

Merupakan jarak di antara garisan tambahan dan objek

DEFINISI

KONSEP PANDANGANTAMBAHAN

Pandangan tambahan diperlukan apabila bahagian tertentu

sesebuah objek tidak dapat ditunjukkan secara lukisan ortografik

- Untuk mendapatkan bentuk/saiz sebenar
- Untuk mendapatkan Panjang sebenar
- Untuk mendapatkan sudut sebenar

**

LUKISAN ISOMETRI

Lukisan isometri ialah

lukisan bergambar tiga dimensi yang menunjukkan KELEBARAN , KETINGGIAN dan KEDALAMAN sesuatu objek

- Paksi BIASA
Permukaan ATAS dapat ditunjukkan dengan jelas
- Paksi TERBALIK
Permukaan BAWAH dapat ditunjukkan dengan jelas
- Paksi PANJANG
Permukaan ATAS dapat ditunjukkan dengan jelas

** BIASA nya ATAS tapi TERBALIK BAWAH maka PANJANG ke ATAS **

**

DEFINISI

GARISAN ISOMETRI

Garisan isometri merupakan
garisan yang kedudukannya selari dengan paksi isometri

**

GARISAN BUKAN ISOMETRI

Garisan bukan isometri merupakan
garisan yang kedudukannya tidak selari dengan paksi isometri

**

KAEDAH KOTAK

Garisan kotak bermula
Dengan Pelukis membayangkan objek yang perlu dilukis dalam kotak khayalan

**

KAEDAH KERANGKA

Garisan kotak bermula
Dengan Pelukis membayangkan ketinggian bongkah untuk mendapatkan
gambaran bentuknya

**

DEFINISI

LUKISAN OBLIK

Lukisan oblik berfungsi

Untuk menunjukkan objek dalam bentuk 3D

- Paksi menegak
- Paksi mengufuk
- Paksi condong/surut

**

DEFINISI

LUKISAN PERSPEKTIF

Lukisan perspektif ialah

Satu lukisan berbentuk tiga dimensi(3D) seperti lukisan isometri dan lukisan oblik yang menunjukkan gambaran mata sebenar

- Lukisan berbentuk 3D seperti lukisan isometri dan lukisan oblik
- Menunjukkan gambaran mata sebenar

Jenis :

- Lukisan Perspektif satu titik
- Lukisan Perspektif dua titik
- Lukisan Perspektif tiga titik

**** bergantung kepada titik lenyap***

Elemen :

- Titik Stesyen (TS)
- Garis Penglihatan (GP)
- Satah Gambar (SG)
- Garis Ufuk (GU)
- Titik Lenyap (TL)
- Garis Bumi (GB)
- Garis Tinggi (GT)

**

DEFINISI

LUKISAN PERSPEKTIF SATU TITIK

Lukisan Perspektif Satu titik mempunyai garis tegak dan garis mengufuk serta objek yang dilukis selari dengan satah gambar

**

LUKISAN PERSPEKTIF DUA TITIK

Lukisan Perspektif Dua titik mempunyai mempunyai paksi tegak objek yang kebiasaannya selari dengan satah gambar manakala paksi yang lain condong ke arah satah gambar

**

LUKISAN PERSPEKTIF TIGA TITIK

Lukisan Perspektif tiga titik mempunyai Mempunyai paksi objek tidak selari dengan satah gambar , dan Kedudukan titik lenyap ketiga berada di bawah ataupun di atas garisan ufuk

**

DEFINISI

TITIK STESYEN (TS)

Kedudukan Mata Pelukis apabila melihat sesuatu objek

**

GARIS PENGLIHATAN (GP)

Garis Unjuran dari titik stesyen ke titik tertentu pada objek

Garis ini mewakili garis penglihatan dari mata pelukis ke objek

**

SATAH GAMBAR (SG)

Satah khayalan yang terletak di antara objek dan titik stesyen imej objek

**

GARIS UFUK (GU)

Garis khayalan yang selari dengan satah gambar

Garis ini berada pada aras mata pelukis

**

TITIK LENYAP (TL)

Titik yang mewakili objek apabila berada jauh dari mata pelukis

**

GARIS BUMI (GB)

Garisan yang mewakili pandangan pinggir satah bumi

Garisan ini digunakan sebagai tapak untuk mengukur ketinggian sesuatu objek

**

DEFINISI

GARIS TINGGI (GT)

Garisan tegak yang diunjur dari pepenjuru pandangan atas yang menyentuh satah satah gambar hingga ke garisan bumi

**

DEFINISI

PENGORAKAN

Pengorakan ialah

Bentuk permukaan yang dibentang secara rata pada satu satah

Lukisan pengorakan digunakan dalam kerja kerja kepingan fabrikasi logam

Komponen :

- Garisan Elemen
- Garisan Bentangan
- Garisan Lipatan
- Kelim
- Bentangan Dalam

**

GARISAN ELEMEN

Garis lurus yang dilukis pada permukaan objek yang melengkung seperti silinder dan kon

**

GARISAN BENTANGAN

Garis yang dilukis berserenjang dengan sisi prisma dan silinder

**

GARISAN LIPATAN

Garis untuk membentuk objek pada prisma dan pyramid

**

DEFINISI

KELIM

Garisan bagi cantuman objek

**

BENTANGAN DALAM

Bentangan yang memaparkan permukaan sebelah dalam bongkah berongga

**

DEFINISI

LUKISAN TERBANTU KOMPUTER

Lukisan Terbantu Komputer (LTK) ialah

Salah satu teknologi untuk menghasilkan lukisan teknikal dengan menggunakan komputer dan perisian tertentu

**

LUKISAN PELAN

menggambarkan sesebuah kawasan atau bangunan

yang dilihat dari atas pada satah mendatar

jenis :

- Pelan Lokasi
- Pelan Tapak
- Pelan Lantai
- Pelan Bumbung

**

DEFINISI

PELAN LOKASI

Pelan lokasi memberi petunjuk kedudukan tapak cadangan pembinaan

**

PELAN TAPAK

Pelan tapak merupakan pelan yang memberi perincian yang jelas mengenai tapak bangunan yang dicadangkan

**

PELAN LANTAI

Pelan lantai ialah lukisan berskala yang menunjukkan ukuran bangunan keseluruhannya serta susun atur grid bagi rujukan pembinaan dari pandangan atas

skala :

- 1:50
- 1:100
- 1:200

**

PELAN BUMBUNG

Pelan bumbung menunjukkan reka bentuk bumbung, dimensi, kecerunan setiap bumbung, kadar unjuran dan kedudukan rasuk pada pandangan atas

skala :

- 1:50
- 1:100
- 1:200

**

DEFINISI

LUKISAN PANDANGAN

Lukisan pandangan adalah lukisan berskala yang menunjukkan secara keseluruhan rupa bentuk bangunan itu

Jenis :

- Pandangan Hadapan
- Pandangan Sisi
- Pandangan Belakang

**

LUKISAN KERATAN

Lukisan keratan menunjukkan pandangan yang terhasil apabila apabila bangunan dipotong secara menegak bagi menjelaskan butiran terlindung

**

LUKISAN TERPERINCI

Lukisan butiran bagi sesuatu komponen bangunan seperti tingkap , pintu , bumbung dan tangga

**

DEFINISI

BUMBUNG

Bumbung merupakan struktur paling atas yang dibina untuk melindungi bangunan daripada

kesan cuaca seperti panas, hujan, angin dan habuk

Jenis:

- Bumbung Tebeng Layar
- Bumbung Limas
- Bumbung Limas Belanda

**

Bumbung Tebeng Layar

Bumbung tebeng layar ialah bumbung yang mempunyai dua cerun

**

Bumbung Limas

Bumbung yang mempunyai empat cerun permukaan di mana dua daripadanya berbentuk segi tiga

**

Bumbung Limas Belanda

Rupa bentuknya adalah gabungan di antara bumbung tebeng layar dan bumbung limas

**

DEFINISI

LUKISAN PERPAIPAN

Lukisan perpaipan ialah lukisan yang memberi gambaran dan kedudukan mengenai alat pemasangan, lekapan dan arah aliran air di dalam sesuatu bangunan

Jenis :

- Lukisan Ortografik Perpaipan
- Lukisan Isometri Perpaipan

**

SISTEM BEKALAN PERPAIPAN DOMESTIK

Sistem perpaipan melibatkan sistem bekalan air dari tangki takungan atau rumah

Jenis :

- Sistem Terus
- Sistem Tidak Terus

**

SISTEM TERUS

Bekalan air disalurkan secara terus dari paip perkhidmatan ke lekapan-lekapan sanitari

**

SISTEM TIDAK TERUS

Air dari tangki simpanan disalurkan ke lekapan sanitari melalui paip agihan

**

DEFINISI

LUKISAN ELEKTRIK

Lukisan elektrik ialah

lukisan teknikal untuk menerangkan pemasangan pendawaian elektrik dan alat lengkap di dalam sesebuah bangunan

Jenis :

- Gambar Rajah
 - Blok
 - Pendawaian
 - Skema
 - Litar
- Pelan Bentangan
 - Domestik
 - Industri

**

PELAN BENTANGAN DOMESTIK

Menunjukkan lokasi alat tambah dan alat lengkap serta suis kawalan di dalam bangunan atau rumah kediaman

**

PELAN BENTANGAN INDUSTRI

menunjukkan lokasi alat tambah dan alat lengkap pendawaian di dalam bangunan yang besar seperti makmal, kilang dan premis perdagangan

**

DEFINISI

GAMBAR RAJAH BLOK

Menunjukkan aliran asas unit kawalan dalam suatu sistem bekalan elektrik

Menunjukkan pembahagian bekalan dan beban pengguna

**

GAMBAR RAJAH PENDAWAIAN

Menunjukkan bentuk laluan dan sambungan sesuatu litar pada kedudukan dan pendawaian sebenar yang melibatkan komponen, alat tambahan unit-unit tertentu

Menunjukkan bilangan sebenar dawai yang digunakan dalam penyambungan litar

**

GAMBAR RAJAH SKEMA

Dalam bentuk simbol piawai komponen

Menunjukkan kendalian keseluruhan sesuatu litar pendawaian

**

GAMBAR RAJAH LITAR

Menunjukkan dua garisan iaitu

- Bekalan hidup pada garisan atas
- Garisan neutral pada sebelah bawah

Alat – alat elektrik terletak di tengah kedua – dua garisan

**

DEFINISI

LUKISAN REKA BENTUK DALAMAN

Reka bentuk dalaman merupakan bidang profesional yang memerlukan kemahiran teknikal untuk merancang susun atur ruang dalaman dengan melibatkan binaan pada lantai, dinding dan siling

**

Jenis Ruang Asas dalam Rumah Kediaman



DEFINISI

RUANG SOSIAL

berfungsi untuk ahli keluarga berehat dan berinteraksi. Ruang ini juga dijadikan tempat untuk melayan tetamu, berbual dan berbincang .

RUANG KELUARGA

Memberi keselesaan untuk Ahli keluarga beriadah dan berkumpul

Untuk rumah sederhana dan besar ,
ruang keluarga berasingan dengan ruang tamu

PERABOT = Televisyen , Sofa

**

RUANG TAMU

Untuk menerima tetamu, membaca dan melakukan aktiviti lain yang bersesuaian

Terletak di bahagian paling hadapan dalam sesebuah rumah

Mencerminkan personaliti seseorang pemilik rumah

PERABOT = Sofa , Meja , Televisyen , Meja hiasan

**

RUANG MAKAN

Tempat untuk menjamu selera

Terletak berdekatan dengan ruang dapur bagi memudahkan aktiviti penyajian

PERABOT = Meja makan , Kerusi makan dan Kabinet penyimpanan

**

DEFINISI

RUANG KERJA

Ruang untuk ahli keluarga melakukan aktiviti-aktiviti penyediaan dan penyimpanan makanan, menyimpan barang-barang, atau melakukan kerja-kerja pembersihan

**

RUANG DAPUR

Tempat untuk menyediakan makanan

Ruang atau tempat khusus yang memiliki kelengkapan dan peralatan untuk penyediaan makanan

PERABOT = Singki , Dapur , Peti sejuk , Kabinet penyimpanan

**

STOR

Ruang untuk menyimpan perkakas yang jarang digunakan seperti barang mainan , hampagas , surat khabar

PERABOT = Almari

**

UTILITI/PELBAGAI GUNA

Kawasan untuk mencuci pakaian atau Kawasan untuk menggosok baju

PERABOT = Mesin basuh , Mesin Pengering , Papan seterika , Ampaian besi almari

**

DEFINISI

RUANG PERSENDIRIAN

Ruang ahli keluarga berehat , membersih dan mengemaskan diri

**

RUANG TIDUR

Tempat untuk beristirahat

PERABOT = Katil , Almari pakaian , Meja sisi katil , Meja solek ,

**

RUANG MANDI

Ruang untuk melakukan aktiviti pembersihan diri

Selalunya berkongsi dengan tandas

ALAT KELENGKAPAN = Tandas , Besen cuci , Tab mandi , Dulang pancuran

**

DEFINISI

MEREKA BENTUK RUANG DALAM BENTUK LUKISAN PERSPEKTIF

Lukisan perspektif adalah satu lukisan berbentuk 3-dimensi (3D) yang boleh dilukis sama ada dalam bentuk satu titik atau dua titik

Fungsi lukisan perspektif :

- Menunjukkan aktiviti dalam ruang
- Gambaran sebenar sesebuah objek
- Menunjukkan suasana ruang

**

SOALAN

MAKSUD / DEFINISI / TAKRIF /
NAMAKAN / NYATAKAN

[BALIK KE INDEKS](#)

MAKSUD / DEFINISI / TAKRIF / NAMAKAN / NYATAKAN

Apakah yang dimaksudkan dengan **GRAFIK KOMUNIKASI TEKNIKAL** ?

GRAFIK KOMUNIKASI TEKNIKAL adalah

